



Headline: Jangan terjerat dengan sindiket Macau Scam
Publication/Portal: Kosmo
Date: 31 October 2018

Language: Malay
Section: Negara
Page: 11

Jangan terjerat dengan sindiket Macau Scam

SEDAR atau tidak kebelakangan ini banyak kes penipuan panggilan palsu yang dikategorikan sebagai Macau Scam dilaporkan menerusi media di negara ini.

Antara kejadian terbaharu adalah di Balik Pulau, Pulau Pinang apabila seorang kerani kerugian kira-kira RM115,000 selepas diperdaya sindiket terbabit yang menyamar sebagai petugas mahkamah dan anggota polis pada Isnin lalu.

Mangsa dikatakan terlibat dengan kesalahan pengubahan wang haram sebelum diminta memasukkan wang ke dalam dua akaun bank dipercayai milik anggota sindiket.

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini sahaja sebanyak 1,627 kes Macau Scam dicatatkan dengan nilai kerugian berjumlah RM98.3 juta.

Apa yang pasti, sindiket berkenaan sudah lama bertapak di negara ini namun sehingga kini kewujudannya sukar dibendung

biarpun pelbagai operasi telah dilakukan oleh pihak berkuasa.

Mengulas perkara itu, Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, sikap segelintir masyarakat yang kurang membaca atau tidak mengambil peduli apa yang berlaku di sekeliling menyebabkan kegiatan itu terus berleluasa sehingga ke hari ini.

Katanya, kebanyakan mangsa seolah-olah tidak mengambil tahu mengenai jenayah tersebut biarpun laporan mengenainya kerap kali disiarkan oleh media massa.

"PDRM, Bank Negara Malaysia (BNM), persatuan pengguna dan pertubuhan badan bukan kerajaan sering mengeluarkan kenyataan dan peringatan berhubung perkara itu tetapi ia dilihat kurang berkesan apatah lagi memberi pengajaran kepada orang ramai.

"Masih ada mangsa terpedaya hanya kerana 'cinta palsu' daripada kenalan baharu di laman sosial dan gelap mata dengan pelbagai hadiah atau tawaran lumayan yang ditawarkan biarpun ia jelas tidak masuk akal.

"Lebih mengejutkan ada dalam kalangan mangsa terdiri daripada golongan berpendidikan tinggi dan profesional tetapi akibat bertindak terburu-buru mereka mudah terpedaya dan menanggung akibatnya," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Bagaimanapun, kata Lam Thye,



beliau tidak menolak masalah itu berlaku disebabkan kelicikan sindiket Macau Scam yang bergerak secara terancang menerusi pelbagai teknik dan penyamaran terkini.

"Modus operandi sindiket sentiasa bertukar-tukar malah ahli-ahlinya juga semakin kreatif memperdayakan mangsa termasuk mempunyai skrip-skrip tertentu untuk menyamar sebagai pegawai polis, BNM atau agensi kerajaan yang lain.

"Kemungkinan, mereka (ahli sindiket) turut mempunyai tenaga 'pengajar' khusus bagi tujuan itu dan saya turut dimaklumkan ada antara mereka yang beroperasi di luar negara dengan kemudahan latihan, tempat tinggal dan elaan yang lumayan.

"Ini menunjukkan mereka amat profesional dan sentiasa bergerak beberapa langkah ke hadapan bagi mengelak dikesan oleh pihak berkuasa," ujarnya.

Biarpun sindiket berkenaan semakin licik namun tidak bermakna pihak berkuasa bersikap lepas tangan dan tidak mengambil tindakan.

Buktinya, pada 1 Ogos lalu, seramai

30 individu warga tempatan ditahan di sebuah rumah di Petaling Jaya, Selangor kerana disyaki terlibat dalam sindiket Macau Scam.

Pada 25 Oktober lalu pula, polis menahan seramai 23 warganegara China dipercayai terlibat dalam kegiatan berkenaan di sebuah kondominium di ibu negara.

Sementara itu, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd. Yusof Abdul Rahman berkata, terdapat pelbagai jenis Macau Scam tetapi antara yang popular ialah penipuan pinjaman bank, kad kredit, saman trafik dan mahkamah, hadiah cabutan bertuah serta pakej pelancongan.

Beliau percaya lebih ramai mangsa turut berada di luar sana namun tidak berani melaporkannya kepada pihak berkuasa disebabkan perasaan malu dan sebagainya.

"Saya percaya ramai yang pernah menerima panggilan sebegini sebelum ini malah saya tidak terkecuali. Apa yang penting, pengguna jangan panik dan tidak mendedahkan butiran peribadi dan kewangan mereka sewenang-wenangnya.

"Jika berasa curiga, pengguna boleh berhubung atau berkunjung sendiri ke agensi-agensi yang dinyatakan bagi mendapatkan kesahihannya.

"Paling penting, pengguna yang pernah dihubungi sindiket terbabit perlu memaklukkannya kepada pihak berkuasa agar maklumat mengenainya dapat dikumpul agar ia dapat ditangani secara berkesan," katanya.

Apa yang penting, pengguna jangan panik dan tidak mendedahkan butiran peribadi dan kewangan mereka sewenang-wenangnya